

**PERTANDINGAN BICARA BERIRAMA
'SUARA RIMBA' PERINGKAT
SEKOLAH MENENGAH SEMPENA
SAMBUTAN HARI HUTAN
ANTARABANGSA TAHUN 2016
PERINGKAT NEGERI PERAK**



**JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PERAK**

**DENGAN KERJASAMA
JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK**

PERTANDINGAN BICARA BERIRAMA 'SUARA RIMBA'

1.0 Pengenalan

Pertandingan bicara berirama ini dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Perak. Objektif pertandingan ini adalah bagi menggalakkan pelajar sekolah yang terlibat untuk mengasah dan mempamerkan bakat menceritakan keunikan dan kepentingan hutan serta kepelbagaian hayat di Malaysia dengan cara kreatif dan berkesan. Aktiviti ini merupakan salah satu cara untuk mengembangkan pengetahuan berkenaan hutan di Malaysia dengan cara yang menarik dan senang difahami, di samping menambah minat pelajar sekolah di dalam bidang perhutanan.

2.0 Penganjuran

Jabatan Perhutanan Negeri Perak bertindak sebagai urus setia. Kos penganjuran seperti persediaan tempat, makan dan minum, hadiah dan bayaran hononarium kepada hakim akan ditanggung oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Kos pengangkutan hendaklah ditanggung oleh pihak sekolah yang menyertai pertandingan ini. Butiran pertandingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 5 Mac 2015 (Sabtu)

Masa : 9.00 Pagi – 5.00 Petang

**Tempat : Dewan Rimbawan
Jabatan Perhutanan Negeri, Ipoh**

3.0 Syarat-syarat

3.1 Penyertaan

3.1.1 Pelajar Sekolah Menengah

- Terbuka kepada pelajar sekolah Tingkatan 1 hingga 5

3.1.2 Setiap pasukan terdiri daripada pelajar dari sekolah yang sama

3.1.3 Borang penyertaan boleh dimuat turun di Laman Web Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak. Tarikh tutup penyertaan pada 12 Februari 2016 (Jumaat)

3.1.4 Penyertaan terhad kepada 10 buah sekolah sahaja

3.2 Masa

3.2.1 Setiap pasukan diberi had masa 8 hingga 10 minit sahaja. Markah akan ditolak bagi setiap minit yang berikutnya.

3.3 Pasukan

3.3.1 Setiap pasukan terdiri daripada 30 hingga 35 orang pelajar termasuk seorang '*conductor*'.

3.4 Teks

3.4.1 Pilihan teks adalah bebas sama ada dalam bentuk puisi atau petikan pendek dalam Bahasa Malaysia. Teks wajib mengandungi/menceritakan tentang :

- i. hutan dan kepelbagaian hayat di Malaysia
- ii. perana hutan dan kepelbagaian hayat di Malaysia
- iii.usaha-usaha yang dilakukan bagi mengurus, memelihara dan memulihara sumber hutan
- iv. peranan masyarakat dalam memelihara sumber hutan

3.4.2 Semasa persembahan, peserta tidak dibenarkan sama sekali merujuk kepada nota atau lain-lain nota bercetak sama ada yang berada pada peserta atau pada penonton.

3.4.3 Persembahan tidak mengandungi isu-isu sensitif seperti perkauman, agama, politik, pembalakan haram, rasuah, kritikan terhadap kerajaan, perbuatan salah-laku mana-mana pihak dan lain-lain.

3.4.4 Salinan teks perlu dihantar kepada pihak penganjur **seminggu** sebelum tarikh pertandingan. Boleh dihantar melalui emel di rosaizah@forestry.gov.my / nursimaa@forestry.gov.my

3.5 Pakaian

3.5.1 Semua peserta bebas untuk berpakaian samada berpakaian seragam sekolah ataupun mengikut tema masing-masing. Namun begitu, tatacara berpakaian dipastikan sopan, sesuai dan kemas. **Tiada** sebarang markah untuk elemen pakaian.

3.5.2 '*Conductor*' dibenarkan memakai sarung tangan.

3.6 Perkara Tambahan

3.6.1 Penambahan drama dan sketsa tidak dibenarkan. Tiada halangan bagi penggunaan '*prop*' namun, tidak memberi sebarang markah.

3.6.2 Pasukan boleh menggunakan muzik latar belakang selain daripada nyanyian dan pergerakan. Namun begitu penambahan elemen tersebut dipastikan tidak mendominasi persembahan yang sepatutnya.

3.7 Susunan Pentas

3.7.1 Susunan pasukan adalah dalam tiga barisan berlapis.

3.8 Pengadilan

3.8.1 Dianggotai oleh 5 orang pengadil. 3 orang pengadil terdiri daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Perak dan 2 orang pengadil daripada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Ketua Pengadil dilantik dari Jabatan Pelajaran Negeri Perak.

3.9 Keputusan

3.9.1 Markah diberi mengikut sistem permarkahan yang sedia ada.

3.9.2 Keputusan adalah berdasarkan undian majoriti oleh pengadil sekiranya jumlah mata yang diperolehi adalah sama/seri.

3.9.3 Keputusan pengadil adalah muktamad.

3.9.4 Markah setiap pasukan tidak akan didedahkan.

3.10 Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Johan

- Wang Tunai RM 1000.00
- Piala Pusingan
- Plak Penghargaan Penyertaan dan medal
- Sijil Penyertaan

Naib Johan

- Wang Tunai RM 700.00
- Piala Pusingan
- Plak Penghargaan Penyertaan dan medal
- Sijil Penyertaan

Tempat Ketiga

- Wang Tunai RM 500.00
- Piala Pusingan
- Plak Penghargaan Penyertaan dan medal
- Sijil Penyertaan

Saguhati

- Plak Penghargaan Penyertaan dan medal
- Sijil Penyertaan

Konduktor Terbaik

- Plak Pengiktirafan dan medal
- Sijil Pengiktirafan



**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN BICARA BERIRAMA 'SUARA RIMBA' PERINGKAT SEKOLAH
MENENGAH SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN
2016 PERINGKAT NEGERI PERAK**

NAMA SEKOLAH :

NO. TELEFON :

TAJUK :

GURU PENGIRING

BIL.	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON
1.			
2.			
3.			
4.			

KONDUKOR

NAMA	NO. KAD PENGENALAN

AHLI PASUKAN

BIL	NAMA	NO.KAD PENGENALAN
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10.		
11.		
12.		
13.		
14.		
15.		

16.		
17.		
18.		
19.		
20.		
21.		
22.		
23.		
24.		
25.		
26.		
27.		
28.		
29.		
30.		
31.		
32.		
33.		
34.		

Disahkan oleh,

Cop sekolah

* Sila kembalikan borang yang telah lengkap ke :

Unit Pengembangan & Inovasi,
Jabatan Perhutanan Negeri Perak,
Persiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya,
30200 Ipoh,
Perak

atau faks : 05-5288101

atau emel : rosaizah@forestry.gov.my / nursimaa@forestry.gov.my

sebelum atau pada : **12 Februari 2016**